

29 DEC 1996

Duta-Bebas

AHMAD MOKHTAR BERSYUKUR DIBEBASKAN

By: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- "Saya gembira dan bersyukur", begitulah kata-kata awal yang dapat diucapkan Duta Malaysia Ke Peru Ahmad Mokhtar Selat untuk menggambarkan perasaan leganya setelah dibebaskan oleh gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) setelah ditahan selama 12 hari di kediaman Duta Jepun di Lima.

Dalam perbualan telefon lebih 30 minit dengan Bernama dari kedutaan Malaysia di Hotel Las Americas, beliau turut melahirkan rasa terharu dan berterima kasih ke atas segala sokongan dan keprihatinan terhadapnya yang diberikan oleh seluruh rakyat Malaysia khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Segala doa mereka dan usaha mereka telah membolehkan pembebasan saya dan kini saya dapat bertemu semula dengan kawan-kawan dan keluarga," katanya dengan nada terharu bercampur gembira.

Ahmad Mokhtar juga merakamkan penghargaan kepada kerajaan Peru, khususnya Presiden Alberto Fujimori serta Palang Merah Antarabangsa di atas kebijaksanaan mereka menangani krisis itu sehingga membolehkan lebih 400 daripada sejumlah 500 tebusan dibebaskan setakat ini.

Ahmad Mokhtar merupakan antara 20 tebusan yang dibebaskan pukul 6 pagi ini waktu Malaysia.

Ditanya pengalaman beliau selama dalam tahanan, beliau berkata pemberontak MRTA telah melayannya dan tebusan lain dengan baik dan telah memberitahunya bahawa mereka tidak akan diapa-apakan kerana tujuan mereka hanya mendapatkan pembebasan lebih 400 rakan yang ditahan dalam penjara Peru.

"Mereka melayan saya dengan baik, "very friendly" tidak bersikap kasar atau menggertak," katanya.

Malahan, katanya, semasa dibebaskan pemberontak tersebut khususnya ketuanya yang dikenali Nestor Cerpa telah berjabat tangan dan mengucapkan selamat jalan kepadanya.

"Seorang daripada anak muda (pemberontak wanita dalam lingkungan 16 tahun) telah meminta saya supaya bila saya keluar nanti, tolong mendengar lagu-lagu pop untuk dirinya," katanya sambil ketawa kecil.

Beliau berkata kesemua 20 pemberontak itu hanya memakai penutup muka pada hari pertama penahanan tetapi kemudiannya mereka telah membukannya.

Malahan, katanya, pemberontak telah memintanya mengajar beliau beberapa patah perkataan Bahasa Melayu seperti "terima kasih" dan "selamat tinggal".

"Mereka banyak juga bertanya mengenai Malaysia dan mereka tahu mengenai Proton Saga kita daripada pembacaan mereka di majalah," katanya.

Ahmad Mokhtar berkata pemberontak telah "meminjamkan" sebuah radio transistor untuk membolehkan tebusan menghabiskan masa lapang tetapi menurutnya mereka menghadapi masalah untuk mendengar siaran terutama dari Perbadanan Penyiaran British (BBC).

Televisyen tidak dapat digunakan kerana bekalan elektrik diputuskan oleh pihak berkuasa Peru sejak 17 Dis.

Ditanya adakah beliau mendapat cukup tidur sepanjang penahanan itu, Ahmad Mokhtar berkata: "Masa untuk tidur lebih daripada cukup tetapi saya saja tidak tidur."

Menurutnya beliau bangun 6 pagi setiap hari dan tidur pukul 10 malam dan di sepanjang waktu lapang digunakan untuk membaca buku atau majalah dan bersenam.

Ditanya apakah rutinnnya dan tebusan lain, beliau berkata setiap bilik

mempunyai seorang pengawas yang akan menetapkan kerja yang harus dibuat seperti mencuci tandas, membersihkan bilik dan menjaga makanan. Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga Peru menjadi pengawas bilik Ahmad Mokhtar.

Antara teman sebilik Ahmad Mokhtar semasa dalam tahanan itu termasuk duta besar Bolivia, Republik Dominica, Korea Selatan, Mesir, Konsul Besar Argentina dan KSU Kementerian Perlombongan Peru serta Menteri Luar serta Menteri Pertanian negara itu.

Menurutnya beberapa hari sebelum dibebaskan beliau tinggal bersama lebih 30 orang sebilik tetapi jumlah yang berkongsi bilik dengannya lebih besar sebelum beberapa kumpulan tahanan dibebaskan berperingkat-peringkat.

"Tiap-tiap hari saya dan tebusan lain mengusung air dan tandas mudah alih ke tingkat atas, ini betul-betul gotong-royong," katanya sambil ketawa besar.

Ahmad Mokhtar berkata pada awal penahanan beliau tidur di atas lantai dan hanya selepas empat hari baru diberikan selimut dan bantal.

"Ini biasa untuk saya, saya ini orang kampung, bukan orang bandar," kata anak kelahiran Kampung Pilah, Negeri Sembilan.

Ditanya mengenai makanan, katanya beliau diberikan begitu banyak ubi kentang sehingga mengalami sakit perut beberapa kali dan sepanjang tempoh ditahan beliau juga diberi makanan Jepun termasuk nasi sebanyak tiga kali.

Ditanya perasaan beliau ketika "berpisah" dengan lebih 80 tebusan lain yang masih ditahan, beliau berkata perasaannya amat sedih lebih-lebih lagi apabila rakan tebusan yang lain bertepuk tangan dan melambai-lambai selamat jalan.

"Harapan saya mereka juga akan keluar tidak lama lagi," katanya terharu.

Ahmad Mokhtar berkata isterinya Jeliah Ghalim telah memberitahu keluarganya di kampung mengenai pembebasan beliau.

Ditanya sama ada kedatangan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi Ke Lima Khamis lepas berhubung penahanannya telah mempercepatkan pembebasan beliau, Ahmad Mokhtar berkata beliau tidak tahu kandungan rundingan itu tetapi menurutnya pemberontak MRTA sedar dan memberitahunya mengenai kedatangan Abdullah.

"Namun saya rasa apa-apa rundingan yang dibuat semestinya yang positif," katanya.

Ahmad Mokhtar berkata tebusan lain turut berasa gembira mengetahui kedatangan Abdullah dan telah melahirkan penghargaan mereka kepada kerajaan Malaysia kerana menurut mereka kedatangan tersebut bukan sahaja untuk usaha mempercepatkan pembebasan dirinya malahan Malaysia telah melahirkan kebimbangan mengenai nasib tebusan lain.

Ditanya bila beliau akan pulang semula ke Malaysia, Ahmad Mokhtar berkata bahawa segala persediaan sedang dibuat oleh Wisma Putra dan berharap dapat pulang ke tanahair minggu depan.

Mengenai pendekatan yang diambil oleh Kuala Lumpur dan Lima dalam menangani krisis ini sehingga sekarang, beliau berkata ianya "bagus".

Ahmad Mokhtar berkata beliau berada dalam keadaan sihat dan telahpun menjalani pemeriksaan doktor sebaik sahaja dibebaskan.--BERNAMA

RV WAT